

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SEW315 - Ekonomi Pembangunan

Masa: [3 Jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Soalan-soalan dibahagikan kepada dua bahagian, A dan B. Semua soalan dalam Bahagian A **MESTI** dijawab, manakala daripada Bahagian B calon perlu menjawab mana-mana **DUA** (2) soalan sahaja.
3. Peruntukan markah Bahagian A ialah 70 peratus, manakala Bahagian B ialah 30 peratus.
4. Setiap soalan mempunyai peruntukan markah seperti yang ditunjukkan pada setiap soalan.
5. Asingkan ikatan jawapan Bahagian A daripada Bahagian B.

...2/-

Bahagian A: (70 Markah)

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian ini.

Soalan 1 (30 markah)

Pilih jawapan yang terbaik dan tuliskan a, b, c, atau d dalam buku jawapan anda.

- (A) Takrifan mudah pembangunan ekonomi ialah
- (a) peningkatan pendapatan negara setahun demi tahun,
 - (b) peningkatan pendapatan negara bagi suatu tempoh yang panjang,
 - (c) peningkatan pelaburan benar beberapa tahun berturut-turut,
 - (d) pendapatan negara meningkat bersama-sama pertambahan penduduk.
- (B) Faktor yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan pertumbuhan potensi ialah
- (a) lambakan sumber-sumber asli,
 - (b) bilangan pilihan raya bebas,
 - (c) peringkat teknologi,
 - (d) sikap penduduk.
- (C) Pengukuran pembangunan menggunakan indeks volum pengeluaran fizikal mempunyai kelemahan sebagai
- (a) volum fizikal tidak boleh dinilai,
 - (b) volum fizikal tidak boleh dibanding,
 - (c) elaun pembaikan kualiti tidak boleh ditunjuk,
 - (d) anggaran kewangan selalunya tepat.
- (D) Kelemahan menggunakan kadar pertukaran bagi menukarkan KNK sebuah negara kepada unit mata wang negara lain bagi tujuan perbandingan adalah disebabkan oleh
- (a) kadar pertukaran hanya sesuai dijadikan faktor penukaran bagi barangan yang diniagakan di peringkat antarabangsa,
 - (b) kadar pertukaran sering berubah-ubah,
 - (c) kadar pertukaran sering menguntungkan negara-negara besar,
 - (d) kadar pertukaran ditetapkan oleh bank pusat secara arbitrari.
- (E) Teori lingkaran ganas menunjukkan pertalian di antara
- (a) pendapatan dengan penduduk,
 - (b) pelaburan dengan teknologi,
 - (c) daya pengeluaran dengan pendapatan,
 - (d) tabungan dengan modal.

- (F) Ricardo telah meramal bahawa ekonomi akan berakhir dengan suatu kepegunan oleh kerana
- (a) penduduk akhirnya bersara daripada bekerja,
 - (b) ekonomi kehabisan emas,
 - (c) ketandusan inovasi,
 - (d) ekonomi kehabisan tanah pertanian.
- (G) Sebab utama kemunduran negara dunia ketiga sebagaimana yang dilihat oleh ahli-ahli teori longgokan modal ialah
- (a) saiz pasaran kecil,
 - (b) kurang tabungan,
 - (c) teknologi rendah,
 - (d) kehadiran tuan-tuan tanah asing.
- (H) Seorang yang merasakan infrastruktur boleh dibina secara beransur-ansur akan menyokong
- (a) pertumbuhan terimbang,
 - (b) pertumbuhan tak terimbang,
 - (c) modal selongkok,
 - (d) ekonomi duaan.
- (I) Dalam teori pembangunan ekonomi Schumpeter, beliau telah menekankan
- (a) perlunya pertumbuhan terimbang,
 - (b) perlunya infrastruktur,
 - (c) peranan inovasi,~
 - (d) eksploitasi rakyat pribumi.
- (J) Tahap menuju kematangan dalam teori Rostow adalah
- (a) permulaan proses pembangunan,
 - (b) melengkapkan proses pembangunan,
 - (c) datang sebelum tahap pelancaran,
 - (d) turutan kepada tahap pelancaran.

- (K) Pengabaian sektor pertanian dalam proses pembangunan ekonomi negara akan membawa kepada
- (a) kekurangan tabungan,
 - (b) kekurangan tukaran asing,
 - (c) kerendahan tahap pengeluaran,
 - (d) semua yang disebutkan.
- (L) Reformasi tanah diperlukan di kebanyakan negara-negara kurang maju kerana
- (a) di bawah susunan sekarang petani-petani mempunyai insentif yang rendah bagi memperbaiki daya pengeluaran,
 - (b) tahap output pasti meningkat,
 - (c) wujud ketidaksamaan pengagihan tanah yang amat ketara,
 - (d) jawapan a dan c betul.
- (M) Revolusi Hijau dirujuk kepada
- (a) suatu pergerakan oleh petani-petani bertujuan mengawal tanah,
 - (b) pengisytiharan akhir oleh negara-negara kurang maju bahawa peranan pertanian amat penting,
 - (c) suatu pencapaian teknologi pertanian yang telah meningkatkan hasil potensi di seluruh dunia,
 - (d) kempen pertanian di negara-negara kurang maju.
- (N) Di antara kenyataan berikut yang lazimnya tidak dijadikan sebab bagi menyokong sektor awam membina dan mengendalikan industri ialah
- (a) industri tidak wajar dilaksanakan oleh sektor swasta apabila wujud ekonomi luaran,
 - (b) kerajaan, pada lazimnya, boleh mengendalikan industri lebih cekap daripada sektor swasta,
 - (c) sektor swasta berkemungkinan mempunyai maklumat dan perspektif masa yang kurang lengkap bagi membina industri,
 - (d) sektor swasta mungkin tidak mampu mengumpul sejumlah modal yang diperlukan.
- (O) Negara-negara sedang membangun merasakan penggantian import perlu dan terbaik bagi mengindustrikan ekonomi mereka kerana
- (a) pasaran dalam negeri telah wujud bagi sesetengah barangan industri sebagaimana terbukti dengan pengimportan barangan berkenaan,
 - (b) perlindungan daripada persaingan asing boleh disediakan dengan mudah,
 - (c) ia dianggap sebagai langkah terbaik bagi memperbaiki keadaan imbalan pembayaran yang buruk,
 - (d) semua sebab yang telah dinyatakan.

- (P) Manakah yang berikut menjadi penghalang kepada eksport barang-barang perindustrian negara-negara sedang membangun?
- (a) Halangan perdagangan di negara maju dan sedang maju,
 - (b) lebih nilai kadar pertukaran di negara-negara sedang maju,
 - (c) penawaran yang rigid dan kualiti keluaran yang rendah dihasilkan oleh negara-negara sedang membangun,
 - (d) semua sebab yang disebutkan.
- (Q) Tabungan ialah
- (a) satu penentu utama pertumbuhan,
 - (b) satu-satunya penentu pertumbuhan,
 - (c) salah satu penentu pertumbuhan,
 - (d) pembolehubah yang tiada kaitan dengan pertumbuhan.
- (R) Model pertumbuhan Harrod-Domar membuktikan bahawa pertumbuhan
- (a) mempunyai hubungan langsung dengan tabungan dan hubungan songsang dengan nisbah modal/output,
 - (b) mempunyai hubungan langsung dengan nisbah modal/output dan hubungan songsang dengan tabungan,
 - (c) mempunyai hubungan langsung dengan tabungan dan nisbah modal/output,
 - (d) mempunyai hubungan tak langsung dengan tabungan dan nisbah modal/output.
- (S) Manakah kenyataan yang tidak benar? ICOR hanya suatu anggaran kasar kerana
- (a) tidak seorang pun yang boleh memberikan maklumat tentang sebanyak mana modal diperlukan bagi sesuatu projek pelaburan,
 - (b) ICOR merupakan ukuran kasar bukan bersih, ✓
 - (c) ICOR diukur bagi suatu tempoh masa yang panjang,
 - (d) ICOR mengabaikan banyak faktor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan.
- (T) Bahagian teratas 20 peratus dalam pembahagian pendapatan negara selalunya menerima
- (a) hampir 90 peratus,
 - (b) antara 40 peratus hingga 75 peratus,
 - (c) melebihi 75 peratus,
 - (d) kurang daripada 35 peratus.

Soalan 2 (20 Markah)

Jadual di bawah memberikan indeks ekonomi yang hipotetik bagi dua buah negara, A dan B, pada tahun 1995.

Indeks	Negara A	Negara B
KNK per kapita	US\$3,000.00	US\$1,000.00
Kadar Inflasi	8.0 peratus	00
Kadar Pengangguran	6.0 peratus	8.0 peratus
Kadar Kemiskinan	20 peratus	6.0 peratus
Koefisien Gini	0.6	30 peratus 0.4

- (a) Adakah negara A dan negara B bukan negara-negara maju? Kenapa? (5 Markah)
- (b) Di antara A dan B, manakah negara yang lebih maju? Kenapa? (5 Markah)
- (c) Walaupun kadar kemiskinan di negara A lebih tinggi daripada negara B namun kedudukan sosioekonomi negara A tidak boleh dirumuskan sebagai lebih baik daripada negara B. Huraikan. (10 Markah)

Soalan 3. (20 Markah)

“Sektor pertanian sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara, tetapi negara-negara kurang maju (NKM) berlumba-lumba mengindustrikan ekonomi mereka.”

- (a) Huraikan sebuah teori bagi menunjukkan bahawa sektor pertanian penting dalam proses pembangunan ekonomi. (10 Markah)
- (b) (i) Apakah alasan-alasan yang menyebabkan NKM berlumba-lumba mengindustrikan ekonomi mereka? (5 Markah)
- (ii) Terangkan dua persoalan umum dan asas yang perlu diambil kira apabila NKM memilih jenis industri untuk mengindustrikan ekonomi mereka. (5 Markah)

...7/-

BAHAGIAN B: (30 Markah).

Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja daripada Bahagian B.

Soalan 4

Pelaburan asing lebih baik daripada pinjaman modal asing dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Bahaskan.

(15 Markah)

Soalan 5

Indeks sosial lebih memberi gambaran sebenar sasaran pembangunan negara, tetapi amat sukar hendak diukur dan dijadikan asas dalam perancangan. Bincangkan.

(15 Markah)

Soalan 6

Bincangkan kepentingan pendidikan dan latihan dalam pembangunan ekonomi.

(15 Markah)

Soalan 7

Terangkan erti dan kepentingan pengumpulan modal dalam pembangunan ekonomi. Bincangkan langkah-langkah yang boleh membantu NKM mengumpul modal yang banyak bagi maksud pembangunan ekonomi mereka.

(15 Markah)

Soalan 8

Bincangkan aspek-aspek persamaan dan perbezaan strategi pembangunan ekonomi terimbang dan tak terimbang.

(15 Markah)